

## KALIMAH “AL-MAWT” DALAM AL-QURAN: SATU ANALISIS DARI SUDUT KOSA KATA

### WORD "AL-MAWT" IN AL-QURAN: AN ANALYSIS OF VOCABULARY

H.Y. Ahmad Mujahideen<sup>1</sup>

M.H. Norhidayah<sup>2</sup>

C. R. Adnin Nadwa<sup>3</sup>

1 Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan dan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.

2 Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.

3 Guru Agama dan Bahasa Arab, Sekolah Rendah Agama Tengku Amalin A’ishah Putri, 16100 Kota Bharu, Kelantan.

**Accepted date:** 20 May 2018

**Published date:** 19 September 2018

**To cite this document:** Mujahideen, H. Y. A., Norhidayah, M. H., & Nadwa, C. R. A. (2018). Kalimah “Al-Mawt” Dalam Al-Quran: Satu Analisis Dari Sudut Kosa Kata. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(13), 50-58.

**Abstrak:** *Al-Quran adalah Kalamullah yang telah diturunkan ke atas rasul terakhir Nabi Muhammad S.A.W. dengan memaparkan kalimah-kalimah yang sangat luar biasa dan tersendiri sehingga ia dapat menusuk dan meresap ke dalam sanubari. Di antara keunikan dan keistimewaananya dapat dikenal pasti dari konteks penggunaan kalimah-kalimahnya. Oleh itu, objektif artikel ini ialah untuk menyingkap keindahan dan keunggulan al-Quran melalui kalimah “al-mawt” dan kosa katanya sebagaimana yang telah diwahyukan bagi merungkai keajaiban dan kehebatan kalimah tersebut. Ini kerana kalimah “al-mawt” dan kosa katanya bukan hanya membawa makna mati sahaja bahkan mempunyai banyak makna tersirat yang perlu diterokai bagi mengenal pasti makna-makna tersebut. Artikel ini merupakan sebuah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisaan data. Artikel ini mengumpul dan menganalisa kalimah “al-mawt” serta kosa katanya yang terkandung dalam al-Quran. Hasil dapatan dari artikel ini dapat mengenal pasti kalimah “al-mawt” serta kosa katanya yang tidak semata-mata hanya tertumpu kepada satu makna bahkan mempunyai beberapa makna lain dan hal ini sekaligus dapat merungkap keunikan dan kehebatan susunan kalimah al-Quran yang penuh dengan keindahan dan mempersonakan serta mampu mendidik dan menggetarkan jiwa seseorang.*

**Kata Kunci:** *Al-Mawt, al-Quran, Analisis, Kosa Kata*

**Abstract:** The Quran is a Kalamullah that has been revealed to the last Prophet Muhammad S.A.W was displayed with the most extraordinary and distinctive words so that it can touch ones' heart deeply. Among the uniqueness which can be identified is from the context of the use of its words. Therefore, the objective of this article is to discover the beauty and excellence of the Qur'an through the word "al-mawt" and its vocabulary as it has been revealed to explore the miracles and the eminence of the word. This is because the word "al-mawt" and its vocabulary does not only mean death but also contains implied meanings that must be explored in order for the meanings to be identified. This article is a fully qualitative study that uses data collection and data analysis methods. This article collects and analyzes the word "al-mawt" as well as the vocabulary contained in the Qur'an. The findings of this article can identify the word "al-mawt" and the vocabulary that is not solely focused on one meaning but has some other meanings and this can also reveal the uniqueness and greatness of the word of the Quran that is full of fascinating beauty that can also educate and calm one's soul.

**Keyword:** Al-Mawt, Sl-Quran, Analysis, Vocabulary

---

## Pendahuluan

Dalam al-Quran terdapat banyak rahsia kemukjizatan dari segi bahasa. Keadaan ini dapat kita lihat dari sudut pemilihan kalimah dan penggunaannya yang sangat unik (Kusmana dan Samsuri, 2004). Antara rahsia tersebut dapat diketahui melalui kalimah "al-mawt" atau dalam Bahasa Melayu bermaksud mati. Muhammad 'Abduh (1997) menjelaskan bahawa al-Quran menyatakan setiap makhluk yang bernyawa (roh) pasti akan mati, begitu juga dengan alam dunia ini pun akan diakhiri dengan mati (kiamat) dan mati merupakan perkara ghaib yang tidak diketahui oleh manusia, bahkan peristiwa kejadianya berlaku pada setiap detik, masa dan pada setiap jiwa menuju untuk menerima masa kematian. Toshihiko Izutsu (2003) menyatakan bahawa kematian bagi setiap makhluk adalah sebagai tahap pertengahan dari seluruh perjalanan kehidupannya dan merupakan suatu titik balik dalam sejarah kehidupan yang terletak antara dunia dan akhirat . Menurut M. Quraish Shihab (1996), kematian mempunyai peranan yang sangat besar dalam memantapkan akidah serta menumbuhkembangkan semangat pengabdian. Tanpa kematian, manusia tidak akan berfikir tentang apa sesudah mati dan tidak akan mempersiapkan diri menghadapinya. Menurut Umar Latif (2016), mati menjadi titik pemisah di antara dua perkara iaitu masa, keadaan dan kehidupan dunia menuju kepada masa, keadaan dan kehidupan akhirat yang abadi serta bertindak sebagai pintu ke alam akhirat. Oleh itu, mati merupakan pendorong dan motivator terbaik bagi seseorang yang mencari jalan lurus bagi menggapai keredhaan Allah S.W.T. Hal ini kerana mati merupakan titik noktah terakhir bagi setiap manusia di alam dunia yang fana ini bagi mempersiapkan bekalan kehidupan di alam seterusnya iaitu alam akhirat. Namun begitu, kalimah "al-mawt" dan kosa katanya dalam al-Quran mempunyai banyak makna yang tersirat dan tidak hanya semata-mata membawa makna mati sahaja tetapi makna mati ialah makna masyhur yang difahami dan diguna pakai oleh umum. Sehubungan dengan itu, Rasulullah S.A.W. menyeru umatnya supaya senantiasa mengingatinya. Dalam sebuah hadis yang dihukumkan *hasan sahih* (al-Albani, 2000), Rasulullah S.A.W. telah bersabda (al-Tirmidhi, 1417H):

أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَادِمِ الْلَّذَاتِ يَعْنِي الْمَوْتَ.

*Maksudnya: Perbanyakkanlah oleh kamu semua mengingati pemutus kelazatan iaitu kematian.*

### Pengertian “al-Mawt” Dari Sudut Bahasa

Kalimah “al-mawt” merupakan *masdar* iaitu kata terbitan kepada kata kerja “mata”. Menurut al-Fayruz Abadi (1997), jika ditafsirkan perkataan ini menurut Ilmu Morfologi Arab, maka terbentuklah pola-pola berikut:

- |   |                                  |
|---|----------------------------------|
| 1. <i>Masdar</i>                            | : الْمَوْتُ                      |
| 2. <i>Fi'l al-madi</i>                      | : مَاتَ                          |
| 3. <i>Fi'l al-mudari'</i>                   | : يَمْوَثُ - يَمَاتُ - يَمِيَّثُ |
| 4. <i>Fi'l al-amr</i>                       | : مُمْتُ                         |
| 5. <i>Sifat mushabbahah bi ism al-fa'il</i> | : مَيْتٌ - مَيْتَةً - مَيْتَى    |

Kalimah “al-mawt” seperti yang dinyatakan dalam kamus Bahasa Arab membawa pelbagai maksud:

#### 1. Kalimah “al-mawt” dalam *Mu'jam Maqayis al-Lughah*:

Ibn Faris (1997) menerangkan bahawa kalimah “al-mawt” digunakan untuk makna-makna yang berikut:

- i. Hilang kekuatan atau kuasa dari sesuatu
- ii. Berlawanan dengan hidup
- iii. Tanah yang belum diusahakan, jika digunakan dengan kalimah “al-mawat”

#### 2. Kalimah “al-mawt” dalam *Lisan al- 'Arab*:

Ibn Manzur (1990) menyatakan bahawa kalimah “al-mawt” bermaksud:

- i. Lawan kepada hidup
- ii. Tidak bergerak atau diam
- iii. Sedih atau takut
- iv. Keadaan yang sulit
- v. Tidur yang nyenyak
- vi. Kejahanan
- vii. Hilang akal, jika digunakan dengan kalimah “al-mutah”
- viii. Tidak pandai, jika digunakan dengan kalimah “mawtan al-fuad”
- ix. Sesuatu yang mati tanpa disembelih, jika digunakan dengan kalimah “al-maytah”
- x. Sesuatu yang tidak mempunyai roh, jika digunakan dengan kalimah “al-mawat”

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa kalimah “al-mawt” dari sudut bahasa boleh digunakan dalam beberapa maksud yang tertentu. Kalimah “al-mawt” digunakan untuk

menunjukkan mati (lawan hidup), tidak bergerak, sedih, takut, tidur yang nyenyak, kejahanan, hilang kuasa atau kekuatan. Selain itu, kalimah ini juga digunakan untuk menunjukkan keadaan yang sulit. Kalimah “*al-maytah*” pula bermaksud sesuatu yang mati tanpa disembelih, manakala lafaz “*al-mawat*” bermaksud sesuatu yang tidak mempunyai roh dan tanah yang belum diusahakan. Adapun kalimah “*al-mutah*” pula bermaksud hilang akal dan sekiranya digabungkan kalimah “*mawtan*” dengan “*al-fuad*”, ia membawa maksud tidak pandai.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa kalimah “*al-mawt*” dari sudut bahasa boleh digunakan untuk benda yang bernyawa seperti manusia dan haiwan serta ia juga boleh digunakan untuk benda yang tidak bernyawa seperti tanah dan angin.

### **Penggunaan Kalimah “*Al-Mawt*” Dan Kosa Katanya Dalam Al-Quran**

Menurut ‘Abd al-Baqi (1994) dan Fahmi (2002), Allah S.W.T telah menggunakan kalimah “*al-mawt*” dalam al-Quran secara berulang kali yang mana penggunaannya ialah sebanyak 165 kali. Terdapat dua bentuk penggunaan kalimah ini dalam al-Quran iaitu bentuk kata nama sebanyak 105 kali dan bentuk kata kerja sebanyak 60 kali.

**Jadual 1: Bentuk penggunaan kalimah “*al-mawt*” dalam al-Quran dan jumlahnya**

Bentuk Penggunaan Kalimah	Jumlah Kalimah
Kata Nama	105
Kata Kerja	60
Jumlah	165

Penggunaannya dalam bentuk kata nama melibatkan pola *masdar* sebanyak 56 kali, iaitu 53 kali dengan kalimah-kalimah “*al-mawi*”, “*mawtan*”, “*mawtakum*”, “*mawtah*”, “*mawtaha*”, “*al-mawtah*” dan “*mawtatana*”, manakala tiga kali dengan kalimah “*al-mamat*”, “*mamatuhum*” dan “*mamati*”. Selain itu, penggunaannya dalam pola *sifat mushabbahah bi ism al-fa'il* sebanyak 49 kali, iaitu 23 kali dalam bentuk *mufrad* dengan kalimah-kalimah “*maytan*”, “*al-maytah*” dan “*al-mayyit*”, manakala 26 kali dalam bentuk *jama'* dengan menggunakan kalimah-kalimah “*al-mawta*”, “*amwat*”, “*amwatan*”, “*mayyitun*” dan “*mayyitin*”.

**Jadual 2: Penggunaan kata nama “*al-mawt*” dalam al-Quran dan jumlahnya**

Bentuk Penggunaan Kalimah	Pola Kalimah		Kalimah	Jumlah Kalimah
Kata Nama	<i>Masdar</i>	-	<i>Al-Mawt</i>	53
			<i>Mawtan</i>	
			<i>Mawtakum</i>	
			<i>Mawtah</i>	
			<i>Mawtaha</i>	
			<i>Al-Mawtah</i>	
			<i>Mawtatana</i>	
			<i>Al-Mamat</i>	
			<i>Mamatuhum</i>	
			<i>Mamati</i>	3
	Jumlah			56
<i>Sifat Mushabbahah bi Ism al-Fa'il</i>	<i>Mufrad</i>	<i>Maytan</i>	<i>Al-Maytah</i>	23

			<i>Al-Mayyit</i>	
<i>Jama'</i>		<i>Jumlah</i>	<i>Al-Mawta</i>	26
			<i>Amwat</i>	
			<i>Amwatan</i>	
			<i>Mayyitun</i>	
			<i>Mayyitin</i>	
		<i>Jumlah Keseluruhan</i>	49	
			105	

Penggunaannya dalam bentuk kata kerja pula menggunakan pola *fi'l al-madi* sebanyak 24 kali melibatkan kalimah-kalimah “*mata*”, “*matu*”, “*mittu*”, “*mittum*”, “*muttum*”, “*mitna*”, “*amata*”, “*amattana*” dan “*amatahu*”. Manakala *fi'l al-mudari'* sebanyak 34 kali melibatkan kalimah-kalimah “*yamutu*”, “*amutu*”, “*tamut*”, “*namutu*”, “*tamutu*”, “*yamut*”, “*tamutunna*”, “*tamutuna*”, “*yamutu*”, “*yamutuna*”, “*amitu*”, “*numitu*”, “*yumitu*”, “*yumitukum*” dan “*yumituni*” . Sementara *fi'l al-amr* pula sebanyak dua kali melibatkan kalimah “*mutu*”.

**Jadual 3: Penggunaan kata kerja “*al-mawt*” dalam al-Quran dan jumlahnya**

Bentuk Penggunaan Kalimah	Pola Kalimah	Kalimah	Jumlah Kalimah
Kata Kerja	<i>Fi'l al-Madi</i>	<i>Mata</i>	24
		<i>Matu</i>	
		<i>Mittu</i>	
		<i>Mittum</i>	
		<i>Muttum</i>	
		<i>Mitna</i>	
		<i>Amata</i>	
		<i>Amattana</i>	
		<i>Amatahu</i>	
		<i>Yamutu</i>	
	<i>Fi'l al-Mudari'</i>	<i>Amutu</i>	34
		<i>Tamut</i>	
		<i>Tamutu</i>	
		<i>Yamut</i>	
		<i>Tamutunna</i>	
		<i>Yamutu</i>	
		<i>Yamutuna</i>	
		<i>Amitu</i>	
		<i>Numitu</i>	
		<i>Yumitu</i>	
		<i>Yumitukum</i>	
		<i>Yumituni</i>	
		<i>Tamutuna</i>	
		<i>Namutu</i>	
	<i>Fi'l al-Amr</i>	<i>Mutu</i>	2
	<i>Jumlah Keseluruhan</i>		60

Penggunaan dalam pola *fi'l al-madi* dan pola *fi'l al-mudari'* menggunakan dua bentuk iaitu *fi'l al-lazim* dan *fi'l al-muta'addi*. Menurut Mustafa al-Ghalayani (1986), *fi'l al-lazim* ialah kata

kerja tidak transitif yang bermaksud mati dan *fi'l al-muta'addi* pula ialah kata kerja transitif yang bermaksud mematikan<sup>1</sup>.

### Keunikan Penggunaan Kalimah “Al-Mawt” Dalam Al-Quran

Penggunaan kalimah “al-mawt” dan kosa katanya menunjukkan keindahan bahasa al-Quran dan keistimewaananya dalam menyampaikan maksud ayat dan pengajarannya. Di antara keunikannya yang dapat dikenalpasti ialah:

1. Kalimah “al-mawt” sering digunakan untuk menggambarkan keperluan bagi sentiasa mengingatinya.

Penggunaan kalimah “al-mawt” dalam ketiga-tiga pola kata kerja oleh Allah S.W.T dalam al-Quran:

- i. *Fi'l al-madi*, firman Allah S.W.T.:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبُتُمْ عَلَىٰ أَعْقَبِكُمْ  
وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَاقِبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الْشَّكِيرِينَ<sup>١٤٤</sup>

(Ali ‘Imran 3: 144)

- ii. *Fi'l al-mudari'*, firman Allah S.W.T:

وَالسَّلَامُ عَلَىٰ يَوْمَ وُلِدتُّ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبَعْثَرُ حَيَاً<sup>٢٢</sup>

(Maryam 19: 33)

- iii. *Fi'l al-amr*, firman Allah S.W.T:

أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ حَرَجُوا مِنْ دِيَرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ  
أَحْيِهِمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ<sup>٤٣</sup>

(Al-Baqarah 2: 243)

Selain itu, terdapat penggunaan kalimah “al-mawt” dalam bentuk kata nama seperti firmanNya dalam al-Quran:

---

<sup>1</sup> *fi'l al-lazim* adalah *fi'l* (subjek) yang cukup sempurna dengan *fa'il* (predikat) sahaja, sedangkan *fi'l al-muta'addi* adalah *fi'l* yang tidak cukup dengan *fa'il* sahaja tetapi ia masih memerlukan unsur penyempurna lain iaitu *maf'ulun bih* (pelengkap atau objek). (Nu'mah, t.th.).

قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمُ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِنْ دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ  
صَدِيقِينَ <sup>٤٤</sup>

(Al-Baqarah 2: 94)

Penggunaan pola *fi'l al-amr* seolah-olah menunjukkan bahawa Allah S.W.T. menyuruh manusia supaya sentiasa mengingati mati. Penggunaan pola *fi'l al-madi* yang menunjukkan masa lalu dan pola *fi'l al-mudari'* yang menunjukkan masa sekarang dan akan datang seolah-olah menggambarkan bahawa mati perlu diingati dahulu, sekarang dan akan datang.

Manakala penggunaannya dalam bentuk kata nama pula seolah-olah menunjukkan bahawa mengingati mati itu perlu kekal dan sentiasa ada dalam sanubari manusia. Hal ini selaras dengan penggunaan kata nama dalam bahasa Arab yang menggambarkan sesuatu yang tetap dan berterusan.

2. Al-Quran menggunakan kalimah “*al-mawt*” bagi menerangkan bahawa mati merupakan suatu perkara yang ditakuti dan digeruni oleh manusia

Penggunaan kalimah “*al-mawt*” jika digunakan dalam struktur *jumlah fi'liyyah*<sup>2</sup> menunjukkan bahawa ianya tidak mengikut struktur ayat yang normal iaitu mendahulukan objek “*maf'ulun bih*” daripada pelaku “*fa'il*”. Contohnya firman Allah S.W.T.:

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِيٍّ قَالُوا نَعْبُدُ  
إِلَهَكَ وَإِلَهَ أَبَائِكُ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ إِلَهَهَا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ <sup>١٣٣</sup>

(Al-Baqarah 2: 133)

Dalam ayat ini, kalimah “*al-mawt*” iaitu pelaku dikemudiankan daripada “*ya'qub*” iaitu objek. Struktur ini menunjukkan wujudnya *taqdim* dan *ta'khir* dalam ayat tersebut. Al-Khalidi (1998) dalam menghuraikan ayat ini menyatakan hikmah *ta'khir* kalimah “*al-mawt*” menunjukkan bahawa mati merupakan perkara yang paling ditakuti dan digeruni oleh manusia dan Allah S.W.T. mengambil kira perasaan manusia dalam menggambarkan tentang mati.

3. Al-Quran menunjukkan bahawa mati datang dalam dua keadaan

Allah S.W.T. telah menyandarkan kalimah “*al-mawt*” kepada dua kata kerja iaitu “*hadara*” dan “*jaa'*”. Kalimah “*hadara al-mawt*” telah digunakan dalam empat ayat. Contohnya firman Allah S.W.T.:

---

<sup>2</sup> *Jumlah fi'liyyah* ialah ayat yang dimulai (diawali) dengan *fi'l* (predikat) dan tersusun dari *fi'l* dan *fa'il* (subjek). (al-Naqah, 1985).

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا أُلُّوَّهِيَّةُ لِلَّوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ  
بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ<sup>١٨٠</sup>

(Al-Baqarah 2: 180)

Manakala kalimah “*jaa al-mawt*” telah digunakan dalam dua ayat. Contohnya firman Allah S.W.T:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ أُرْجِعُونِ<sup>٩٩</sup>

(Al-Mu’minun 23: 99)

Jika dilihat dari sudut bahasa, “*jaa al-mawt*” adalah sama makna dengan “*hadara al-mawt*” iaitu bermaksud mati telah tiba. Namun jika diteliti dari sudut penggunaan al-Quran, Allah S.W.T. telah membezakan antara kedua-dua penggunaannya. Apabila mati itu datang secara tiba-tiba tanpa sebarang tanda dan manusia pada masa itu sedang bergelumang dan tenggelam dalam tipudaya dunia, maka Allah S.W.T. menggunakan kalimah “*jaa al-mawt*”, manakala sekiranya mati itu tiba menghampiri manusia dan menunjukkan tanda-tandanya seperti sakit dan manusia pada ketika itu sempat bersedia bagi menghadapinya, maka Allah S.W.T. menggunakan kalimah “*hadara al-mawt*”.

Kesimpulannya, penggunaan kalimah “*al-mawt*” dan kosa katanya dalam al-Quran sememangnya istimewa dan unik. Ini kerana, kalimah ini menjelaskan tiga makna berikut:

- i. Manusia seharusnya mengingati mati setiap masa dan ketika
- ii. Mati merupakan perkara yang paling digeruni oleh manusia
- iii. Mati berlaku dalam dua keadaan iaitu kematian secara mengejut dan kematian setelah muncul tanda-tandanya

## Penutup

Kalimah “*al-mawt*” dan kosa katanya telah digunakan sebanyak 165 kali dalam al-Quran, iaitu 105 kali dalam bentuk kata nama dan 60 kali dalam bentuk kata kerja. Kalimah “*al-mawt*” dan kosa katanya mempunyai banyak maksud yang boleh digunakan untuk benda yang bernyawa dan boleh juga digunakan untuk benda yang tidak bernyawa. Namun begitu, maksudnya yang masyhur dan banyak diguna pakai dalam penggunaan al-Quran ialah pemisahan antara badan dan roh. Oleh sebab itu, penggunaan makna kalimah “*al-mawt*” dan kosa katanya seharusnya diperluaskan penggunaannya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Quran, contohnya hati mati yang bermaksud tidak pandai. Selain itu, pengajaran dari keistimewaan dan keunikian penggunaan kalimah “*al-mawt*” dan kosa katanya dalam al-Quran ialah manusia perlu mengingati mati setiap masa dan ianya merupakan perkara yang paling ditakuti oleh manusia. Kematian boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu kematian secara mengejut dan kematian setelah keluar tanda-tandanya.

## Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.
- 'Abd al-Baqi, M. F. (1994). Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an. Dimashq: Dar al Qalam, 851-854.
- 'Abduh, M. (1997). Syarh Nahj al-Balaghah. Bayrut: Muassasah al-Tarikh al-Arabi, 375.
- Al-Albani, M. N. (2000). Sahih Sunan al-Tirmidhi. al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif, 307.
- Al-Fayruz Abadi, M. Y. (1997). Al-Qamus al-Muhit. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al- 'Arabi, 258-259.
- Al-Ghalayani, M. (1986). Jami' al-Durus al- 'Arabiyyah, al-Riyad: al-Mamlakah al- 'Arabiyyah al-Sa'udiyyah, 34.
- Al-Khalidi, S. A. (1998). Lataif Qur'aniyyah. Dimashq: Dar al-Qalam, 114.
- Al-Naqah, M. K. (1985). Ta'lim al-Lughah al- 'Arabiyyah li al-Natiqin bi Lughat Ukhra. Makkah: Jami'ah Umm al-Qura, 61.
- Al-Tirmidhi, M. I. (1417H). Sunan al-Tirmidhi. Al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif, 522.
- Fahmi, H.M. (2002). Al-Dalil al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim. Al-Qahirah: Dar al-Salam, 778 & 855.
- Ibn Faris, A. Z. (1997). Mu'jam Maqayis al-Lughah. Bayrut: Dar al-Fikr, 283.
- Ibn Manzur, M. M. (1990). Lisan al- 'Arab. Bayrut: Dar Sadir, 90.
- Izutsu, T. (2003). Relasi Tuhan dan Manusia: Pendekatan Sementik Terhadap al-Qur'an (Machasin, Pent.). Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyka, 141.
- Kusmana & Samsuri (2004). Pengantar Kajian al-Quran, Tema Pokok, Sejarah dan Wacana Kajian. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru, 79.
- Latif, U. (2016). Konsep Mati dan Hidup Dalam Islam. Jurnal al-Bayan. Vol. 22, No. 34, 33.
- Nu'mah, F. (t.th). Mulakhkhas Qawa'id al-Lughah al- 'Arabiyyah. Bayrut: Dar al-Thaqafah, 78.
- Shihab, M. Q. (1996). Wawasan al-Quran. Bandung: Percetakan Mizan, 69.